

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 25/03/2019
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : **Angkasa kenal pasti kawasan untuk projek solar di Kedah**

Angkasa kenal pasti kawasan untuk projek solar di Kedah

Tarikh kemaskini: 25/03/2019



Datuk Abdul Fattah Abdullah

ALOR SETAR, 25 Mac (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) mengenal pasti kira-kira 120 hektar tanah di Kedah untuk dimajukan sebagai ladang solar susulan kejayaan projek pertamanya di Titi Akar, Sungai Tiang dekat Pendang sebelum ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, dengan pengalaman serta kebolehan yang dimiliki, beliau yakin projek solar di negeri ini akan terus berkembang dan terus menjana keuntungan kepada pihak koperasi.

"Kita sebenarnya ada berbincang dengan anak syarikat kerajaan negeri untuk bangunkan hampir 300 ekar tanah (120 hektar) dan mengintai lebih banyak peluang dalam industri solar ini kerana projek rintis kita di Titi Akar berjaya memberi keuntungan sekitar RM80,000 hingga RM100,000 sebulan hasil bekalan tenaga kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak awal tahun lalu.

"Kita pilih Kedah kerana cuaca panasnya lebih lama berbanding negeri-negeri lain, kita sedang berusaha untuk mencapai sasaran perolehan koperasi sebanyak RM55 billion menjelang 2020 berbanding RM42 bilion ketika ini," katanya kepada pemberita selepas kunjung hormat ke atas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir di Wisma Darul Aman di sini, hari ini.

Katanya, Angkasa akan mengeluarkan modal pelaburan awal sebanyak RM2 juta bagi setiap 0.4 hektar kawasan yang dibangunkan dan kira-kira 30 peratus ekuiti akan dimiliki

oleh Angkasa, manakala selebihnya akan diagihkah kepada pihak koperasi apabila projek solar itu menjana keuntungan.

"Di Kedah sahaja kita ada 967 koperasi dengan 238,160 ahli, dan perolehan keseluruhan koperasi berkenaan adalah kira-kira RM198 juta, jadi apa yang kita harapkan industri solar ini akan mampu menjana pendapatan tambahan untuk anggota koperasi," katanya.

Dalam pertemuan bersama Mukhriz, Angkasa diberi kepercayaan untuk membantu kerajaan negeri meningkatkan jaringan ekonomi dengan Thailand terutama di kawasan sempadan Bukit Kayu Hitam.

Katanya sebagai cadangan awal, pihaknya akan berbincang dengan koperasi-koperasi di selatan Thailand bagi melihat bentuk perniagaan yang sesuai dan menguntungkan kedua-dua belah pihak.

"Menteri Besar mahu Angkasa sama-sama memainkan peranan dan melihat peluang yang boleh direbut bersama-sama koperasi-koperasi di sekitar sempadan Bukit Kayu Hitam, kerana bukan semua barang ada di Thailand dan kita boleh lihat peluang itu," katanya.

-- *BERNAMA*